

## Bab 2

### Asal Usul Orang Cina di Selatan Vietnam

#### Pendahuluan

Pergolakan politik yang berlaku di China terutamanya selepas kerajaan Qing menggulingkan kerajaan dinasti Ming pada tahun 1644 telah menyebabkan ramai pegawai dan pengikut setia dinasti Ming meninggalkan China dan berhijrah ke selatan Vietnam. Selain itu, kepadatan penduduk dan kekurangan tanah yang subur di utara Vietnam telah mendorong ramai orang Cina berhijrah ke selatan Vietnam.

Bab ini mengkaji faktor-faktor penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam serta pola penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam selepas kejatuhan kerajaan dinasti Ming di China serta dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan China dan kerajaan dinasti Nguyen di selatan Vietnam terhadap orang Cina yang berhijrah ke selatan Vietnam.

#### Faktor-faktor Penghijrahan Orang Cina ke Selatan Vietnam

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong orang Cina terpaksa meninggalkan China untuk berhijrah ke selatan Vietnam. Kebanyakan orang Cina berhijrah dari China ke Vietnam melalui dua cara iaitu jalan darat dan jalan laut. Vietnam merupakan negara pertama di Asia Tenggara yang menerima jumlah imigran Cina yang banyak. Penghijrahan orang Cina ke Vietnam disebabkan oleh beberapa faktor.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.13.

## A) Faktor politik

Pergolakan politik di China dari semasa ke semasa telah mendorong ramai orang Cina mencari perlindungan di Vietnam. Setiap kali apabila berlakunya pergolakan politik di China, ia telah menyebabkan ramai pedagang Cina, utusan dan pegawai-pegawai China yang hampa dengan kerajaan baru meninggalkan China dan memilih untuk tinggal tetap di Vietnam. Selain itu, para tentera dan pegawai tentera China yang ditangkap sebagai orang tawanan perang juga meminta agar mereka ditempatkan di Vietnam daripada dihantar pulang ke China.<sup>2</sup>

Pada tahun 1644, selepas kejatuhan dinasti Ming dan bermulanya dinasti Qing, ramai pelarian Cina meninggalkan negara China dan mencari perlindungan politik di selatan Vietnam. Pada waktu tersebut, pemerintah Nguyen yang memerintah selatan Vietnam telah menerima pelarian Cina dengan hati terbuka.<sup>3</sup>

Oleh yang demikian, pertukaran rejim yang sering kali berlaku di China telah menyumbang kepada penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam. Kebanyakan penghijrah Cina ini merupakan bekas pegawai kerajaan dan sarjana Confucius pada zaman dinasti Ming di China. Mereka ini merupakan antara kumpulan yang paling awal menjadi pelarian politik.<sup>4</sup>

---

<sup>2</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.14.

<sup>3</sup> Ibid., hlm.15.

<sup>4</sup> Joseph Buttinger, *The Smaller Dragon : A Political History of Vietnam*, New York : Frederick A. Praeger, 1958, hlm.93.

## B) Faktor Ekonomi

Negara China yang sering dilanda masalah kebuluran yang teruk telah memaksa orang Cina mencari suatu tempat yang lebih sesuai sebagai tempat tinggal. Kerana ini, maka selatan Vietnam dipandang sebagai sebuah tempat yang sesuai untuk mendirikan kawasan tempat tinggal memandangkan cara hidup orang Vietnam tidak banyak berbeza dengan cara hidup orang Cina di negara China.<sup>5</sup>

Selain itu, kekurangan tanah pertanian dan bilangan penduduk yang terlalu ramai di kawasan persisiran pantai China Selatan telah menimbulkan masalah kekurangan makanan. Tekanan daripada pertambahan penduduk di China telah memaksa mereka mencari kawasan baru untuk memulakan kehidupan baru. Keadaan bertambah buruk apabila para petani yang miskin sering ditindas oleh tuan-tuan tanah yang kaya. Tambahan pula, kawasan persisiran pantai China Selatan merupakan kawasan perebutan kuasa antara para pembesar pada zaman feudal. Perebutan kuasa antara pembesar telah menyebabkan rakyat hidup dalam kesengsaraan kerana punca rezeki mereka terjejas. Keadaan sedemikian telah mendorong ramai orang Cina di negara China Selatan terpaksa meninggalkan kampung halaman mereka dan berhijrah ke selatan Vietnam untuk mencari peluang ekonomi yang lebih baik.<sup>6</sup> Oleh yang demikian, faktor utama yang mendorong orang Cina berhijrah ke selatan Vietnam adalah kerana kemiskinan dan kebuluran.

---

<sup>5</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.13 dan Joseph Buttinger, *The Smaller Dragon : A Political History of Vietnam*, New York : Frederick A. Praeger, 1958, hlm.93.

<sup>6</sup>潘安, *越南南部华人文化考究* (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 11. (*Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam*, Saigon: Saigon Liberal Press, 2006, hlm.11).

Selain itu, orang Cina berpendapat bahawa adalah lebih mudah untuk mereka mencari rezeki dan menjalankan perdagangan di selatan Vietnam berbanding dengan negara China yang perlu membayar cukai yang tinggi serta polisi yang ketat terhadap aktiviti perdagangan. Tambahan pula, mereka berpendapat bahawa orang Vietnam tidak akan memberi persaingan yang sengit kepada mereka. Imigrasi Cina yang mudah mencari rezeki di selatan Vietnam telah mendorong lebih ramai orang Cina berhijrah ke selatan Vietnam. Apabila orang Cina yang berada di selatan Vietnam telah mewujudkan perdagangan di selatan Vietnam serta menjalin hubungan perdagangan dengan kawasan persisiran pantai di tenggara China, faktor ini telah menarik perhatian ramai pedagang Cina berhijrah ke selatan Vietnam atas kemudahan yang sedia ada serta mereka tidak perlu mengalami perubahan yang besar dalam kehidupan mereka.<sup>7</sup>

### C) Faktor Agama

Selepas beberapa larangan dan sekatan dikenakan pada agama Katolik di China pada abad ke-16, ramai penganut Katolik Cina telah melarikan diri ke selatan Vietnam mengikut jalan laut untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa.<sup>8</sup> Pada waktu itu, Gabenor Nguyen Hoang yang menjadi Gabenor wilayah Thuan Hoa pada tahun 1558 membenarkan pelarian Cina yang merupakan penganut Katolik tinggal di Hoian (Faifo) yang merupakan sebuah tempat yang mundur dan miskin pada waktu itu.<sup>9</sup>

---

<sup>7</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.13-14.

<sup>8</sup> Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo, Tu The Ky XVII Den Nam 1945*, Hanoi : Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.7.

<sup>9</sup> Ibid.

Atas usaha masyarakat Cina, Hoian telah menjadi sebuah pelabuhan antarabangsa yang menarik ramai pedagang dari Jepun, China, Belanda, Portugis, Perancis dan British untuk menjalankan perdagangan di sini.<sup>10</sup>

#### **D) Faktor Sosial**

Wabak penyakit yang berleluasa dan malapetaka yang sering kali berlaku di selatan China telah menyebabkan bilangan orang yang mati meningkat. Hal sedemikian telah mendorong penduduk di sini terpaksa mencari punca rezeki di tempat lain.<sup>11</sup> Maka, selatan Vietnam dilihat sebagai satu tempat yang sesuai untuk memulakan kehidupan baru bagi orang Cina.

#### **Sejarah Penghijrahan Orang Cina ke Selatan Vietnam**

Sejarah kedatangan orang Cina ke selatan Vietnam boleh dilihat dari dua aspek. Yang pertama adalah penghijrahan orang Cina yang sedia ada di utara Vietnam ke selatan Vietnam. Yang kedua adalah penghijrahan Cina dari negara China setelah kerajaan dinasti Ming digulingkan oleh kerajaan dinasti Qing pada tahun 1644.

Sebelum kedatangan orang Cina ke selatan Vietnam, kawasan ini masih merupakan kawasan yang mundur dan belum diterokai. Kawasan ini diliputi hutan dan kawasan paya yang direntangi oleh sungai-sungai. Juga, sebelum kedatangan orang Cina ke dataran

---

<sup>10</sup> Phan Huy Le, “Hoi An (Faifo) – Past and Present” dalam *Ancient Town of Hoi An*, International Symposium Held in Danang on 22-23 Mac 1990, Hanoi : Foreign Language Publishing House, 1991, hlm.17.

<sup>11</sup>潘安, 越南南部华人文化考究(Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006。hlm. 11. (*Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam*, Saigon: Saigon Liberal Press, 2006, hlm.11).

Mekong atau tanah tinggi sebelah timur selatan Vietnam, kawasan-kawasan ini adalah didiami oleh orang Khmer.<sup>12</sup>

Para petani dan artisan yang miskin dari dataran Sungai Merah di utara Vietnam dan bahagian utara Vietnam Tengah telah datang ke selatan Vietnam sebagai peneroka.<sup>13</sup> Kedatangan mereka ke selatan Vietnam bertujuan mencari peluang ekonomi yang lebih baik untuk memperbaiki taraf kehidupan mereka.

Pada tahun 1632, Pemerintah Nguyen di selatan Vietnam telah memperkenalkan sistem pengambilan pegawai melalui peperiksaan. Dasar ini secara tidak langsung telah menarik ramai sarjana Cina berhijrah ke selatan Vietnam kerana mereka sudah bosan dengan peperangan demi peperangan di utara Vietnam. Terdapat juga orang Cina di utara Vietnam berhijrah ke selatan Vietnam untuk mencari kawasan pertanian yang lebih subur dan luas terutamanya di dataran Sungai Mekong berbanding dengan dataran Sungai Merah di utara Vietnam yang terhad kawasan pertanian. Selain itu, kezaliman pemerintah Trinh di utara Vietnam turut mendorong orang Cina di utara Vietnam berhijrah ke selatan Vietnam untuk mencari keselamatan dan keamanan awam.<sup>14</sup> Penghijrahan imigran Cina dan pelarian politik Cina yang berterusan dari utara Vietnam ke selatan Vietnam telah memperkaya kerajaan Nguyen di selatan Vietnam dari segi pertambahan penduduk dan kemahiran orang Cina dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang ekonomi.<sup>15</sup>

---

<sup>12</sup> Ibid.

<sup>13</sup> Ibid.

<sup>14</sup> Joseph Buttinger, *The Smaller Dragon : A Political History of Vietnam*, New York : Frederick A. Praeger, 1958, hlm.169.

<sup>15</sup>Ibid.

Penghijrahan orang Cina dari negara China ke Vietnam semasa pemerintahan China di Vietnam dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama terdiri daripada orang Cina yang datang menjajah Vietnam iaitu para pentadbir serta petani dan tuan tanah. Sementara kumpulan kedua terdiri daripada pelarian politik akibat daripada pergolakan politik di China.<sup>16</sup> Penghijrah Cina yang datang menjajah Vietnam bukan sahaja memberi kesan kepada orang Vietnam tetapi juga kepada orang Cina di Vietnam.

Sejarah imigrasi Cina ke Vietnam dapat dikesan sejak dinasti Chin (221SM-225SM). Pada zaman ini, Maharaja Shih Huang Ti telah menghantar tentera China untuk menakluki Nam Viet yang merupakan utara Vietnam pada hari ini. Maka bermulanya zaman pemerintahan China di Vietnam. Penghijrahan orang Cina secara besar-besaran ke utara Vietnam bagi kali pertama telah berlaku pada tahun 214SM. Lebih kurang setengah juta orang tentera Cina telah ditempatkan di utara Vietnam.<sup>17</sup> Imigrasi Cina pada zaman ini telah diamanahkan tugas sebagai pentadir dan penakluk di utara Vietnam.<sup>18</sup>

Selepas berlakunya pemberontakan dua orang adik-beradik Trung (Hai Ba Trung) di utara Vietnam, kerajaan dinasti Han (140SM-87SM) telah menghantar petani dan tentera untuk ditempatkan di kawasan selatan iaitu di wilayah Giao Chi, Cuu Chan dan Nhat Nam yang dikuasai oleh China.<sup>19</sup> Wilayah Giao Chi, Cuu Chan dan Nhat Nam merupakan

---

<sup>16</sup> Ramses Amer, *The Ethnic Chinese in Vietnam and Sino-Vietnamese Relations*, Kuala Lumpur : Forum, 1991, hlm.5.

<sup>17</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.14.

<sup>18</sup> Dossier, *The Hoa in Vietnam*, Hanoi : Foreign Languages Publishing House, 1978, hlm.20.

<sup>19</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.14.

kawasan di utara Vietnam.<sup>20</sup> Antara imigrasi Cina yang ditempatkan di wilayah-wilayah ini termasuklah sarjana Cina dan pegawai kerajaan China.<sup>21</sup>

Pada zaman dinasti Han Timur (25-200), banyak tawanan Cina telah dihantar ke wilayah Giao Chi. Sejak abad pertama iaitu semasa pemerintahan China di Vietnam, imigrasi Cina yang berada di Vietnam merupakan tentera, pentadbir, tuan tanah dan pedagang.<sup>22</sup>

Pada abad kesembilan, berlakunya pergolakan politik di China. Revolusi petani yang dipimpin oleh Hwang Tsao telah ditumpas oleh tentera dinasti Tang. Akibatnya ramai pemberontak dan petani Cina terpaksa melarikan diri ke Vietnam untuk mengelakkan penyeksaan daripada kerajaan dinasti Tang. Mereka ini akhirnya menetap di Vietnam.<sup>23</sup>

Pada abad ke-10 dan abad ke-11 , Vietnam menghadapi serangan daripada dinasti Sung.<sup>24</sup> Sepanjang tempoh pemerintahan China di Nam Viet (111SM-938M), Vietnam merupakan salah sebuah negara di Asia Tenggara yang banyak menerima imigrasi Cina. Apabila Vietnam berjaya menuntut kemerdekaan dari China pada tahun 938M, seramai 87,000 orang Cina telah pulang ke China. Namun, sekumpulan besar orang Cina meminta agar tinggal tetap di Vietnam dan dibenarkan oleh kerajaan Vietnam.

---

<sup>20</sup> Dossier, *The Hoa in Vietnam*, Hanoi : Foreign Languages Publishing House, 1978, hlm.20.

<sup>21</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.14.

<sup>22</sup> Dossier, *The Hoa in Vietnam*, Hanoi : Foreign Languages Publishing House, 1978, hlm.20.

<sup>23</sup> Ibid.

<sup>24</sup> Ibid.

Sebahagian besar daripada mereka ini didaftar ke dalam Buku Cukai Kepala Vietnam dan dilayan sebagai orang Vietnam.<sup>25</sup>

Vietnam menerima serangan demi serangan dari negara China pada dinasti yang berbeza. Pada abad ke-13, Vietnam menerima serangan daripada dinasti Yuan. Kemudian Vietnam menerima serangan daripada dinasti Ming pada abad ke-14 dan abad ke-15 dan dinasti Qing pada abad ke-18. Pada abad ke-13, apabila dinasti Sung digulingkan oleh tentera Mongol (dinasti Yuan) pada tahun 1279, ramai rakyat biasa dan pegawai tentera Cina kerajaan dinasti Sung bersama ahli keluarga dan sundara-mara mereka melarikan diri ke Vietnam.<sup>26</sup> Pada waktu itu, kerajaan dinasti Tran di Vietnam (1226-1400) membenarkan mereka tinggal di Vietnam.<sup>27</sup>

Semasa penjajahan dinasti Ming di Vietnam pada tahun 1407-1227, kerajaan Vietnam telah melancarkan perang terhadap kerajaan dinasti Ming untuk membebaskan Vietnam daripada penaklukan China. Pada waktu itu, ramai tentera Cina telah ditangkap oleh pihak Vietnam dan mereka memilih untuk tinggal di Vietnam. Namun, mereka dikawal ketat oleh kerajaan Vietnam dan mereka tidak dibenarkan menukar tempat tinggal dalam jajahan Vietnam. Sejak waktu itu, kerajaan Dai Viet (kemudian dikenali sebagai Vietnam) mula melaksanakan dasar asimilasi yang memaksa orang Cina menerima cara pakaian orang Vietnam.<sup>28</sup>

---

<sup>25</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.14.

<sup>26</sup> Dossier, *The Hoa in Vietnam*, Hanoi : Foreign Languages Publishing House, 1978, hlm.20.

<sup>27</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.15.

<sup>28</sup> Ibid.

Dari abad pertama hingga abad ke-16, orang Cina yang berada di Vietnam terdiri daripada pedagang, tentera, tukang kayu, bekas pegawai tinggi kerajaan feudal pelbagai dinasti, penjenayah yang dibicara dan pegawai tentera yang dibuang negeri.<sup>29</sup> Kehadiran orang Cina di Vietnam telah memberi sumbangan besar dalam bidang politik, ekonomi dan sosial di Vietnam.

Pada pertengahan abad ke-17, orang Cina yang berhijrah dari selatan China ke selatan Vietnam berasal dari kawasan Quang Dong, Fukien, pulau Hainan and kawasan lain di selatan China. Mereka ini terdiri daripada pedagang, cendekiawan dan artisan. Pada akhir dinasti Ming and awal dinasti Qing, ramai pegawai istana dan tentera dinasti Ming melarikan diri dari China kerana enggan memberi taat setia kepada kerajaan dinasti Qing.<sup>30</sup> Pada penghujung abad ke-17 dan awal abad ke-18, kawasan selatan Vietnam telah menjadi pusat kediaman orang Cina.<sup>31</sup>

Imigrasi Cina yang masuk ke selatan Vietnam pada pertengahan abad ke-17 telah ditempatkan di Hatien (sebelum ini dikenali sebagai Mang Kham), Gia Dinh, Dinh Tuong dan Bien Hoa. Kemasukan mereka diaturkan dalam tiga kumpulan. Kumpulan pertama dipimpin oleh Mac Cuu yang mengusaha dan membangunkan Hatien pada tahun 1672. Kumpulan kedua dipimpin oleh Duong Ngan Dich dan Hoang Tien. Sementara kumpulan ketiga dipimpin oleh Tran Thuong Xuyen dan Tran An Binh. Kumpulan kedua dan

---

<sup>29</sup> Nguyen Thi Hoa Xinh, *Tin Nguong Va Ton Giao Cua Nguoi Hoa Quang Dong O Thanh Pho Ho Chi Minh* (Kepercayaan dan Agama Orang Cina Quang Dong di Bandar Ho Chi Minh), Thanh Pho Ho Chi Minh : Trung Tam Khoa Hoc Xa Hoi Va Nhan Van Quoc Gia, 1997, hlm. 16.

<sup>30</sup>潘安, *越南南部华人文化考究* (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 11. (Phan An, *Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam*, Saigon: Saigon Liberal Press, 2006, hlm.11).

<sup>31</sup>潘安, *越南南部华人文化考究* (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 12. (Phan An, *Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam*, Saigon: Saigon Liberal Press, 2006, hlm.12).

kumpulan ketiga telah mendapat kebenaran daripada pemerintah Nguyen untuk membuka dan membangunkan Dong Pho (Gia Dinh) pada tahun 1679.<sup>32</sup>

Pada tahun 1671, seorang pedagang Cina dari Lei Zhou (Quang Dong) yang bernama Mac Cuu yang enggan memberi taat setia kepada kerajaan Qing telah melarikan diri ke selatan Vietnam untuk mencari perlindungan politik.<sup>33</sup> Mac Cuu memimpin lebih kurang 400 orang pegawai tentera, askar dan ahli keluarga Mac Cuu berhijrah dari China ke Hatien di wilayah Kien Giang, dataran Mekong. Hatien pada waktu itu dikenali sebagai Mang Kham.<sup>34</sup> Pada waktu itu, Hatien merupakan tanah jajahan Kemboja. Setelah bertapak di Hatien, Mac Cuu bersama orang Cina, orang Vietnam dan orang Khmer berusaha meneroka dan membangunkan Hatien.<sup>35</sup>

Pada tahun 1708, Mac Cuu telah diberi kuasa oleh pemerintah Nguyen untuk memerintah Hatien di dataran Mekong, selatan Vietnam. Sebagai balasan, beliau perlu membayar ufti kepada istana Vietnam yang berada di Hue.<sup>36</sup> Tidak lama kemudian, Hatien menjadi sebuah bandar dan pelabuhan antarabangsa yang makmur di bawah pentadbiran

---

<sup>32</sup> Chau Hai, *Cac Nhom Cong Dong Nguoi Hoa O Viet Nam* (Kumpulan Komuniti Cina di Vietnam), Viet Nam : Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 1992, hlm.25-26 dan Tran Hong Lien, *Van Hoa Nguoi Hoa o Thanh Pho Ho Chi Minh* (Budaya Orang Cina di Bandar Ho Chi Minh), Ha Noi : Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2007, hlm. 11.

<sup>33</sup> Dossier, *The Hoa in Vietnam*, Hanoi : Foreign Language Publishing House, 1978, hlm.20.

<sup>34</sup> 潘安, 越南南部华人文化考究 (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 13. (Phan An, *Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam*, Saigon: Saigon Liberal Press, 2006, hlm.13) dan Nguyen Thi Hoa Xinh, *Tin Nguong Va Ton Giao Cua Nguoi Hoa Quang Dong O Thanh Pho Ho Chi Minh* (Kepercayaan dan Agama Orang Cina Quang Dong di Bandar Ho Chi Minh), Thanh Pho Ho Chi Minh : Trung Tam Khoa Hoc Xa Hoi Va Nhan Van Quoc Gia, 1997, hlm. 17.

<sup>35</sup> 潘安, 越南南部华人文化考究(Budaya Orang Cina si Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 12. (Phan An, *Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam*, Saigon: Saigon Liberal Press, 2006, hlm.12).

<sup>36</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.15-16.

Mac Cuu.<sup>37</sup> Hatien merupakan pusat petempatan orang Cina yang ketiga di selatan Vietnam. Seperti pusat petempatan orang Cina yang lain, kawasan petempatan orang Cina telah berkembang dari Hatien ke kawasan lain di selatan Vietnam.<sup>38</sup>

Selepas kemangkatan Mac Cuu pada tahun 1735, anak beliau yang bernama Mac Thien Tich menjadi pemerintah Hatien yang diakui oleh pemerintah Nguyen. Semasa pemerintahan Mac Thien Tich, beliau menggalakkan kegiatan perdagangan dan kraf tangan di Hatien. Beliau juga telah membuka sekolah-sekolah untuk mengajar bahasa Cina. Atas usaha Mac Thien Tich, akhirnya Hatien menjadi sebuah pelabuhan perdagangan. Hatien juga merupakan pusat intelektual yang menyebarkan budaya Cina ke selatan Vietnam pada abad ke-18.<sup>39</sup>

Keadaan Hatien menjadi tidak aman apabila raja Siam yang bernama Trinh Quoc Anh melancarkan serangan terhadap Hatien pada tahun 1771. Serangan tersebut telah menyebabkan kegiatan perdagangan tidak dapat dijalankan di Hatien. Akibatnya orang Cina yang berada di Hatien terpaksa berhijrah ke Cholon. Justeru itu, Cholon menjadi pusat kegiatan orang Cina yang maju di selatan Vietnam.<sup>40</sup>

---

<sup>37</sup> Dr. A. Morice, *People and Wildlife in and around Saigon(1872-1873)*, Thailand : White Lotus Press, hlm. 57. Diterjemah oleh Walter E.J. Tips.

<sup>38</sup> 潘安, 越南南部华人文化考究(Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 13. (Phan An, *Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam*, Saigon: Saigon Liberal Press, 2006, hlm.13).

<sup>39</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.16 dan Nguyen Thi Hoa Xinh, *Tin Nguong Va Ton Giao Cua Nguoi Hoa Quang Dong O Thanh Pho Ho Chi Minh* (Kepercayaan dan Agama Orang Cina Quang Dong di Bandar Ho Chi Minh), Thanh Pho Ho Chi Minh : Trung Tam Khoa Hoc Xa Hoi Va Nhan Van Quoc Gia, 1997, hlm. 17.

<sup>40</sup> Ngo Ai Long “Nguoi Hoa voi vung dat Sai Gon-Gia Dinh” (Orang Cina dan Saigon-Gia Dinh) dalam *An Tuong Sai Gon – Thanh Pho Ho Chi Minh*, Thanh Pho Ho Chi Minh : Nha Xuat Ban Tre, hlm.190.

Menurut *Gia Dinh Thanh Thong Chi*, pada tahun 1679, lebih kurang 3000 orang pegawai dan tentera Cina bersama ahli keluarga mereka yang menaiki 50 buah jong telah berlabuh di pelabuhan Tu Dung dan pelabuhan Tu Hien di Tourane (Danang), Vietnam Tengah. Sebenarnya, kumpulan ini terdiri daripada dua kumpulan yang berbeza dari wilayah Quang Dong tetapi mereka bertolak pada waktu yang sama. Kumpulan pertama adalah di bawah pimpinan Tran Thuong Xuyen. Beliau merupakan Komander Bahagian bagi Cao Liem dan Loi Liem di Quang Dong dan Timbalan Jeneral Tran An Binh. Kumpulan kedua adalah di bawah pimpinan Duong Ngan Dich. Beliau merupakan Komander Bahagian Long Mon di wilayah Quang Dong dan Timbalan Jeneral Hoang Tien. Mereka merupakan bekas pegawai dinasti Ming, tetapi enggan patuh kepada kerajaan dinasti Qing. Kerana sabab ini, mereka terpaksa mlarikan diri ke selatan Vietnam dan meminta perlindungan politik daripada pemerintah Nguyen.<sup>41</sup>

Kumpulan imigran Cina ini menjelaskan kepada pemerintah Nguyen Phuc Tan (*Hien Vuong*) yang memerintah di Cochinchina pada waktu itu bahawa mereka merupakan bekas pegawai dinasti Ming. Mereka enggan berkhidmat kepada kerajaan dinasti Qing di China, sebaliknya, mereka menawarkan perkhidmatan mereka kepada pemerintah Cochinchina.<sup>42</sup>

---

<sup>41</sup> Nguyen The Anh, "Hoa Kieu Va Su Dinh Dan Tai Vung Dong Bang Song Cuu Long" (Orang Cina di Dataran Mekong) dalam *Nghien Cuu Hue*, Tap Bon, Hue : Trung Tam Nghien Cuu Hue, 2002, hlm.106. Nguyen Thi Hoa Xinh, *Tin Nguong Va Ton Giao Cua Nguoi Hoa Quang Dong O Thanh Pho Ho Chi Minh*, Thanh Pho Ho Chi Minh (Kepercayaan dan Agama Orang Cina Quang Dong di Bandar Ho Chi Minh) : Trung Tam Khoa Hoc Xa Hoi Va Nhan Van Quoc Gia, 1997, hlm. 18 dan M. Paul Boudet, *La Conquête de la Cochinchine par les Nguyen et le Rôle des émigrés Chinois*, hlm. 115-116.

<sup>42</sup> M. Paul Boudet, *La Conquête de la Cochinchine par les Nguyen et le Rôle des émigrés Chinois*, hlm. 116.

Mereka meminta kebenaran daripada pemerintah Nguyen Phuc Tan di Hue untuk mengusahakan tanah. Sebagai balasan, mereka akan membayar cukai.<sup>43</sup> Pada waktu tersebut, pemerintah Nguyen Phuc Tan (1648-1687) sebenarnya juga berasa takut untuk menerima mereka kerana menganggap mereka sebagai elemen yang bahaya.<sup>44</sup> Setelah berbincang dengan para pembesar, akhirnya orang Cina dibenarkan meneroka dataran Mekong dan selatan Vietnam.<sup>45</sup>

Sementara Tran Thuong Xuyen bersama orang Cina yang lain menaiki jong mendarat di Can Gio, kemudian mendirikan tempat kediaman di Tran Bien (Bien Hoa pada zaman sekarang) di wilayah Dong Nai. Di sini, mereka bersama orang Vietnam meneroka dan membangunkan kawasan Dong Nai yang mundur. Atas usaha mereka, akhirnya wujud bandar perdagangan Nong Nai Dai Pho di Dong Nai yang makmur. Kemakmuran Dong Nai telah menarik kedatangan pedagang Jepun dan pedagang Cina.<sup>46</sup>

Tanah lapang Dong Nai kemudian dikenali sebagai Dong Pho. Mengikut catatan sejarah, pada penghujung abad ke-17, para pedagang dan petukang Cina telah membersih dan membuka tanah tersebut dan seterusnya mendirikan komuniti Cina di sini. Pada zaman sekarang, kawasan ini merujuk daerah Binh Thach, Phu Nhuan dan Bien Hoa yang terletak di luar bandar Ho Chi Minh. Pada abad ke-17, komuniti ini dikenali sebagai komuniti *Minh Huong*. Istilah *Minh Huong* merujuk keturunan pengikut setia kepada Kerajaan Ming di

---

<sup>43</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.15.

<sup>44</sup> M. Paul Boudet, *La Conquête de la Cochinchine par les Nguyen et le Rôle des émigrés Chinois*, hlm. 116.

<sup>45</sup> Nguyen Thi Hoa Xinh, *Tin Nguong Va Ton Giao Cua Nguoi Hoa Quang Dong O Thanh Pho Ho Chi Minh*, Thanh Pho Ho Chi Minh : Trung Tam Khoa Hoc Xa Hoi Va Nhan Van Quoc Gia, 1997, hlm. 18.

<sup>46</sup> Ibid. dan 潘安, 越南南部华人文化考究 (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 12. (Phan An, *Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam*, Saigon: Saigon Liberal Press, 2006, hlm.12).

China. Semakin ramai imigran Cina tertarik dengan komuniti *Minh Huong* kerana suasana kegiatan perdagangan yang maju dan aktif. Selain itu, komuniti *Minh Huong* juga menarik perhatian para pedagang dari Jepun, negara-negara Arab dan Eropah.<sup>47</sup>

Menurut “*Gia Dinh Thanh Thong Chi*” yang dikarang oleh Trinh Hoai Duc, beliau menggambarkan Dong Pho sebagai berikut :

*Jeneral Tran Thuong Xuyen telah mengumpulkan pedagang Cina untuk mendirikan kedai-kedai, rumah-rumah berbumbung dan dinding dicat, melihat dari bangunan yang bertingkat, cukup menyinari, jalan bersambung sepanjang 5 kilometer, lampu menerangi 3 jalan, jalan besar diliputi dengan batu-batu porselin putih, bagai sebuah metropolitan. Pedagang dan orang yang kaya, paling ramai terdapat di sini, ...*<sup>48</sup>

Aktiviti orang Cina di Bien Hoa telah berkembang ke kawasan timur selatan Vietnam sehingga ke Cholon.<sup>49</sup> Malah, pada tahun 1778, sebahagian orang Cina di Bien Hoa telah berpindah ke Cholon di Saigon yang berada di selatan Vietnam.<sup>50</sup>

Sementara Duong Ngan Dich memisahkan tenteranya kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama mendarat di Xoi Rap dan mendirikan petempatan di Phan Tran (Gia Dinh). Kumpulan kedua pula melalui Hoang Tien dan memasuki Dai Tieu Hai Khau di bahagian pentadbiran Dinh Tuong. Mereka mendirikan tempat tinggal di Mytho yang berada di Tien Giang, dataran Mekong. Orang Cina di sini bersifat dinamik, rajin, bijak dan

---

<sup>47</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.15.

<sup>48</sup>潘安, 越南南部华人文化考究(Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 12. (Phan An, *Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam*, Saigon: Saigon Liberal Press, 2006, hlm.12).

<sup>49</sup>Ibid.

<sup>50</sup> Phan An, *Nguoi Hoa o Nam Bo* (Orang Cina di Selatan), Thanh Pho Ho Chi Minh : Vien Khoa Hoc Xa Hoi Viet Nam, 2005, hlm.9.

berkemahiran. Antara mereka, terdapat beberapa orang pedagang dan petukang yang handal. Komuniti Cina di Mytho telah berkembang pesat dan tempat tinggal mereka menjadi semakin makmur.<sup>51</sup>

MyTho serta kawasan yang berdekatan dengan Tien Giang dan kawasan tengah Hau Giang iaitu di utara dataran Mekong merupakan pusat kediaman kedua orang Cina di selatan Vietnam. Di bawah pimpinan Duong Ngan Dich, orang Cina meneroka Mytho bersama dengan orang Vietnam. Akhirnya, Mytho menjadi sebuah pusat perdagangan yang maju pada abad ke-17 dan abad ke-18 di dataran Mekong. Kemakmuran Mytho telah menjadi daya tarikan kapal-kapal dagang domestik dan luar negara berlabuh di Mytho untuk pertukaran barang dagangan, terutamanya hasil pertanian dataran Mekong.<sup>52</sup> Lamakelamaan, kawasan petempatan orang Cina telah berkembang sehingga ke kawasan dataran Mekong yang lain seperti Vinh Long, Bac Lieu, Sa Dec, Soc Trang, Cantho dan kawasan yang lain.<sup>53</sup>

Pada tahun 1698, pemerintah Nguyen Phuc Chu (*Minh Vuong*, 1691-1725) telah melantik Ketua Komander Nguyen Huu Canh (Nguyen Huu Kinh)<sup>54</sup> ke selatan Vietnam bertujuan menentukan semula sempadan dan memisahkannya kepada beberapa daerah baru untuk mengumpulkan orang ramai. Beliau telah mengambil tanah Nong Nai untuk menjadi

---

<sup>51</sup> Nguyen Thi Hoa Xinh, *Tin Nguong Va Ton Giao Cua Nguoi Hoa Quang Dong O Thanh Pho Ho Chi Minh* (Kepercayaan dan Agama Orang Cina Quang Dong di Bandar Ho Chi Minh), Thanh Pho Ho Chi Minh : Trung Tam Khoa Hoc Xa Hoi Va Nhan Van Quoc Gia, 1997, hlm. 18-19 dan M. Paul Boudet, *La Conquête de la Cochinchine par les Nguyen et le Rôle des émigrés Chinois*, hlm. 120.

<sup>52</sup>潘安, *越南南部华人文化考究*(Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 12-13. (Phan An, *Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam*, Saigon: Saigon Liberal Press, 2006, hlm.12-13).

<sup>53</sup>Ibid., hlm. 13

<sup>54</sup> Nguyen Huu Canh berasal dari kampung Gia Mieu, wilayah Thanh Hoa, Vietnam. Nguyen Van Hau, *Chuong Bin, Nguyen Huu Canh : Thuong Dang Khai Quoc Cong Than Doi Nguyen* (Chuong Bin, Nguyen Huu Canh : Tokoh Peneroka semasa Nguyen), Vietnam, 1970, hlm.17-18.

daerah Gia Dinh, membentuk Dong Nai untuk membuat kawasan Phuoc Long, menggunakan zon Tran Bien membentuk Saigon, membuat kawasan Tan Binh dan menggunakan zon Phien Tran.<sup>55</sup>

Kerajaan Nguyen membenarkan orang Cina tinggal di beberapa buah kawasan di selatan Vietnam. Orang Cina di Tran Bien membentuk komuniti *Thanh Ha*. Sementara orang Cina di Phien Tran membentuk komuniti *Minh Huong*. Setiap komuniti Cina berkembang maju setelah kedatangan pedagang dan petukang dari China. Akan tetapi keadaan di selatan Vietnam menjadi huru-hara apabila tentera Tay Son menyerang kerajaan Nguyen di selatan Vietnam pada tahun 1771. Keadaan huru-hara yang berterusan telah menyebabkan ramai orang Cina di kampung *Thanh Ha* terpaksa melari balik ke Phien Tran pada tahun 1778 dan bekerjasama dengan penduduk kampung *Minh Huong* untuk membuka bandar Cholon.<sup>56</sup>

Perkembangan ekonomi orang Cina yang kompleks membawa kepada kewujudan institusi untuk mengawal kegiatan perdagangan mereka. Sesetengah institusi yang diwujudkan berkait rapat dengan taat setia tradisi orang Cina kepada suku atau tempat lahir mereka. Maka wujudnya *bang* (kumpulan) dalam kalangan orang Cina di selatan Vietnam. *Bang* merujuk komuniti Cina yang berdasarkan kumpulan dialek, suku dan kongsi gelap.

---

<sup>55</sup> Nguyen Thi Hoa Xinh, *Tin Nguong Va Ton Giao Cua Nguoi Hoa Quang Dong O Thanh Pho Ho Chi Minh* (Kepercayaan dan Agama Orang Cina Quang Dong di Bandar Ho Chi Minh), Thanh Pho Ho Chi Minh : Trung Tam Khoa Hoc Xa Hoi Va Nhan Van Quoc Gia, 1997, hlm. 19.

<sup>56</sup> Ngo Ai Long “Nguoi Hoa voi vung dat Sai Gon-Gia Dinh” (Orang Cina di Saigon-Gia Dinh) dalam *An Tuong Sai Gon – Thanh Pho Ho Chi Minh*, Thanh Pho Ho Chi Minh : Nha Xuat Ban Tre, hlm.190 dan Nguyen Thi Hoa Xinh, *Tin Nguong Va Ton Giao Cua Nguoi Hoa Quang Dong O Thanh Pho Ho Chi Minh* (Kepercayaan dan Agama Orang Cina Quang Dong di Bandar Ho Chi Minh), Thanh Pho Ho Chi Minh : Trung Tam Khoa Hoc Xa Hoi Va Nhan Van Quoc Gia, 1997, hlm. 19.

Dewan Perniagaan yang diwujudkan berfungsi untuk mengawal kegiatan perniagaan orang Cina di selatan Vietnam.<sup>57</sup>

Kawasan petempatan orang Cina telah berubah menjelang penghujung abad ke-17 iaitu berpusat di Nam Ky (Selatan Vietnam). Ramai penghijrah Cina memilih selatan Vietnam sebagai tempat tinggal mereka berbanding dengan utara Vietnam. Perubahan tersebut berkait rapat dengan dasar penerimaan imigran Cina yang diamalkan oleh Gabenor Nguyen Hoang yang memerintah di Thuan Hoa, Vietnam Tengah pada tahun 1558. Sebelum ini, penghijrahan orang Cina adalah secara berperingkat dan mereka berkecenderungan diasimilasi ke dalam masyarakat Vietnam. Namun sejak kejatuhan dinasti Ming pada tahun 1644, apabila berlakunya penghijrahan orang Cina secara beramai-ramai ke selatan Vietnam, keadaan ini telah mempercepat pembentukan komuniti Cina yang berbeza dan mengekalkan budaya mereka dalam masyarakat Vietnam. Akibatnya banyak bandar Cina (*China town*) telah wujud di Vietnam. Ekoran daripada itu, corak petempatan orang Cina turut bertambah kompleks akibat daripada pertambahan bilangan imigran Cina. Bilangan orang Cina yang banyak membolehkan mereka mendirikan kawasan tempat tinggal mereka mengikut suku kaum ataupun atas sebab-sebab peninggalan negara China.<sup>58</sup> Kedatangan imigran Cina telah menyebabkan wujudnya bandar-bandar Cina di Pho Hien (utara Vietnam), Hoian (Vietnam Tengah), Phien Tran (Gia Dinh pada zaman sekarang), Tran Bien (Bien Hoa pada hari ini), Cholon dan Hatien di selatan Vietnam.<sup>59</sup>

---

<sup>57</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.16.

<sup>58</sup> Ibid.

<sup>59</sup> Ibid., hlm.17.

Maka dapat dirumuskan bahawa sejak abad ke-17, ramai pelarian dinasti Ming dan imigran Cina telah memilih selatan Vietnam sebagai tempat tinggal mereka. Hanya sebilangan kecil orang Cina memilih untuk tinggal di utara Vietnam. Gejala ini berkait rapat dengan dasar yang diperkenalkan di utara Vietnam. Majoriti orang Cina di utara Vietnam diasimilasikan dan mereka dianggap sebagai orang Vietnam.<sup>60</sup> Mereka menikmati hak yang sama seperti orang Vietnam. Hal ini dapat dilihat dalam penjelasan berikut :

*They enjoyed the same civil rights as the Annamites and were exempted from military service and corvée. The laws of Annam which were applied to them on an equality with the Annamites, being derived from Chinese sources, were congenial to their spirit.*<sup>61</sup>

Dianggarkan bahawa bilangan orang Cina yang berada di Vietnam pada pertengahan abad ke-19 adalah kira-kira 100,000 orang. Di Tonkin (utara Vietnam), dianggar terdapat kira-kira 20,000 orang hingga 30,000 orang Cina dan majoriti daripada mereka bekerja di kawasan perlombongan.<sup>62</sup>

Setiap kali berlakunya pergolakan politik di China, sudah pasti ia akan membawa kepada penghijrahan orang Cina secara beramai-ramai ke Vietnam untuk mencari perlindungan politik. Sehubungan itu, saiz komuniti Cina di Vietnam turut bertambah besar.

### **Dasar Kerajaan China Terhadap Orang Cina di Seberang Laut**

Kebanyakan orang Cina yang berhijrah ke Asia Tenggara (Nanyang) adalah melalui jalan laut iaitu melalui Laut China Selatan. Nanyang bermaksud “Laut Selatan”. Istilah

<sup>60</sup> Ramses Amir, *The Ethnic Chinese in Vietnam and Sino-Vietnamese Relations*, Kuala Lumpur : Forum, 1991, hlm.8.

<sup>61</sup> Ibid.

<sup>62</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.16.

Nanyang sendiri menekankan hubungan laut dengan China. Pada hakikatnya, Nanyang bermaksud kawasan pantai Tanah Besar Asia Tenggara dan kumpulan kepulauan Filipina dan Indonesia.<sup>63</sup> Oleh yang demikian, sejarah kemasukan orang Cina ke Vietnam, Laos, Burma dan Siam melalui jalan darat pada pelbagai peringkat adalah tidak termasuk dalam lingkungan ini.<sup>64</sup>

Terdapat bukti yang menyatakan pedagang Cina telah sampai di persisiran pantai China Selatan sekurang-kurangnya tiga abad sebelum era Kristian. Sebahagian orang Cina telah memasuki Tongkin di utara Vietnam melalui jalan laut di sepanjang persisiran pantai Quang Dong. Lama-kelamaan, golongan tentera serta pedagang dan bangsa Yueh di selatan China dan Tongkin telah menjadi subjek kepada empayar China.<sup>65</sup>

Hubungan rasmi telah diwujudkan di antara pedagang Cina dengan pusat perdagangan di Nanyang. Namun, orang Cina tidak menguasai perdagangan. Pada abad ketiga, perutusan Cina telah dihantar ke Nanyang dan membuat laporan tentang negara-negara Nanyang. Perutusan ini adalah penting untuk menghasilkan penulisan Cina tentang kawasan Nanyang. Namun sebahagian besar daripada penulisan tersebut tidak menyatakan kegiatan orang Cina di sini. Sehingga apabila terdapat penganut Buddha Cina yang menggunakan jalan laut ke India pada abad kelima hingga abad kelapan, maka wujudnya rekod pelawat Cina ke Nanyang.<sup>66</sup>

---

<sup>63</sup> Maurice Freedman, *The Chinese in Southeast Asia : A Longer View*, London : The China Society, 1965, hlm.6.

<sup>64</sup> Wang Gungwu, *A Short History of the Nanyang Chinese*, Singapore : Eastern Universities Press, Ltd., 1959, hlm.1.

<sup>65</sup>Ibid., hlm.2.

<sup>66</sup>Ibid.

Menurut rekod pada abad ke-11, bilangan pedagang Cina yang pergi ke Nanyang telah meningkat. Golongan pedagang ini meminjam duit untuk menampung kos pelayaran mereka ke Nanyang. Sebahagian daripada pedagang Cina tinggal di Nanyang lebih daripada sepuluh tahun sebelum pulang ke negara China untuk melangsakan hutang mereka. Jelasnya, pembiutang berkeyakinan bahawa para pedagang Cina ini akan memulangkan 100% duit yang dipinjam bersama bunganya kepada mereka. Keyakinan tersebut menunjukkan bahawa perdagangan di Nanyang bukan sahaja menguntungkan, tetapi juga sangat kukuh.<sup>67</sup> Selain itu, keyakinan tersebut juga menunjukkan kepentingan kredibiliti yang ditekankan oleh orang Cina. Kredibiliti tersebut juga membawa kejayaan kepada mereka dalam perdagangan di Nanyang.

Semasa dinasti Sung (690-1279), beberapa pembangunan penting telah dijalankan di persisiran pantai di samping menguatkan angkatan laut di China Selatan. Pembangunan tersebut telah menyediakan peluang kepada China untuk mengawal perdagangan Laut China Selatan pada pertengahan abad ke-13. Buku *The Record of Foreign Nations* telah ditulis berdasarkan laporan yang diterima daripada pelbagai pelawat Cina ke Nanyang.<sup>68</sup>

Selepas Mongol berjaya menakluki China, kerajaan Mongol meneruskan polisi dinasti Sung yang menggalakkan perdagangan Nanyang. Pedagang Cina diberi pinjaman oleh kerajaan Mongol di China untuk menampung perdagangan mereka di Nanyang. Namun, 70% daripada keuntungan yang diperoleh oleh pedagang Cina harus diberikan kepada kerajaan Mongol. Polisi ini sungguh berjaya kerana cukai yang dikutip daripada

---

<sup>67</sup> Ibid., hlm.3.

<sup>68</sup> Ibid.

pinjaman ini serta cukai import komoditi Nanyang dapat digunakan untuk membayar sebahagian besar perbelanjaan pentadbiran Mongol di persisiran pantai China.<sup>69</sup>

Melalui perdagangan yang ditaja oleh kerajaan, bilangan orang Cina yang pergi ke Nanyang telah meningkat. Pada akhir abad ke-13, perdagangan yang berkembang terlalu pesat telah menyebabkan kerajaan terpaksa melarang pengeksportan beras dari China ke Champa di Indochina. Selain itu, perdagangan buruh Cina sama ada lelaki ataupun perempuan juga dilarang sama sekali.<sup>70</sup>

Menurut laporan seorang pegawai Cina yang mengikuti rombongan Mongol ke Chenla di Kemboja, banyak orang Cina telah berkahwin dengan wanita tempatan dan kemahiran mereka dalam perdagangan telah mendapat penghormatan yang tinggi daripada orang tempatan. Beberapa buah kawasan di persisiran pantai selatan Vietnam yang dimiliki oleh kerajaan Kemboja telah didiami oleh orang Cina yang berhijrah ke kawasan tersebut melalui jalan laut.<sup>71</sup>

Penglibatan pedagang Cina dalam perdagangan Nanyang pada abad ke-13 membuktikan bahawa orang Cina telah mahir menjalankan ekspedisi laut ke Nanyang. Malah, pemerintah Mongol di China melihat ekspedisi laut tersebut sebagai satu keperluan. Pada tahun 1293, satu angkatan laut yang terdiri daripada beberapa ribu buah kapal yang membawa 20,000 orang serta bekalan makanan yang cukup telah dihantar ke Java di Indonesia. Ekspedisi tersebut merupakan satu momentum yang cukup mengagumkan

---

<sup>69</sup> Ibid., hlm.3-4.

<sup>70</sup> Ibid., hlm.4.

<sup>71</sup> Ibid.

orang kerana kali pertama begitu ramai orang Cina melawat sesebuah negara di Nanyang pada waktu yang sama. Akan tetapi, ekspedisi tersebut tidak mencapai sebarang kejayaan.<sup>72</sup>

Walau bagaimanapun, kegagalan ekspedisi ke Java tidak mempengaruhi perdagangan Nanyang untuk tempoh yang lama. Pedagang dan pelayar Cina bergiat aktif semula di Nanyang pada awal abad ke-14. Menurut laporan pelayaran yang dibuat oleh pelayar Cina yang bernama Wang Ta-yuan pada awal abad ke-14, beliau ada menyatakan kegiatan pedagang Cina di beberapa buah tempat di Nanyang yang dilawati oleh beliau. Malah daripada laporan-laporan yang kemudian, beliau juga menyatakan orang Cina bergiat aktif dalam perdagangan tempatan di kawasan yang dilawatinya.<sup>73</sup>

#### A) Dasar Kerajaan Dinasti Ming

Selepas kejatuhan kerajaan Mongol atau dinasti Yuan pada tahun 1368, polisi kerajaan China terhadap perdagangan Nanyang mula berubah semasa dinasti Ming (1368-1644). Pengasas dinasti Ming iaitu Chu Yuan-chang yang menjadi Maharaja Hung-wu mendapati bahawa perdagangan yang ditaja oleh kerajaan Mongol di Nanyang merupakan satu ancaman kepada empayar baru. Sehubungan itu, kerajaan dinasti Ming telah melaksanakan beberapa sekatan terhadap hubungan perdagangan dengan Nanyang. Maharaja Chu Yuan-chang telah memperkenalkan sekatan yang dikenali sebagai “*Hai Jin*” iaitu melarang rakyat di pantai China belayar di laut untuk menghalang mereka bekerjasama dengan para penentang dinasti Ming yang berada di kepulauan yang berdekatan China.<sup>74</sup> Dalam usaha mengukuhkan kerajaan dinasti Ming, dasar ini memang

---

<sup>72</sup> Ibid.

<sup>73</sup> Ibid.

<sup>74</sup> 中国科学技术馆, *帆鼓西洋*(Ekspedisi ke Nanyang)., 北京: 科学普及出版社, 2005, hlm.17.

mendatangkan kesan. Namun, sekatan “*Hai Jin*” telah memberi impak yang mendalam kepada ekonomi di pantai China dan perdagangan China di seberang laut.

Perdagangan persendirian adalah dilarang. Sebaliknya kerajaan dinasti Ming memperkenalkan sistem perdagangan melalui penghantaran ufti oleh negara-negara Nanyang kepada China iaitu perdagangan melalui perutusan diplomatik.<sup>75</sup> Namun, kerajaan dinasti Ming mendapati kaedah ini tidak begitu berkesan, maka kerajaan dinasti Ming menghantar pegawai Cina ke Nanyang untuk membeli komoditi. Pada waktu yang sama, sistem perdagangan melalui penghantaran ufti masih diteruskan.<sup>76</sup>

Dasar baru dinasti Ming telah memberi kesan yang mendalam kepada pedagang Cina di Nanyang. Selama 40 tahun, orang Cina di Nanyang menghadapi dilema sama ada meninggalkan perdagangan mereka di Nanyang atau kembali ke negara China, atau mengekalkan kedudukan mereka di Nanyang dengan mengambil risiko iaitu hukuman berat yang akan dikenakan pada mereka apabila mereka pulang ke China pada masa depan. Malah sebahagian daripada pedagang Cina mewujudkan hubungan yang baik dengan pemerintah tempatan di Nanyang agar dapat tinggal kekal di Nanyang. Manakala terdapat sebahagian daripada pedagang Cina mendirikan pusat-pusat lanun di perairan Nanyang terutamanya di kawasan perairan Palembang.<sup>77</sup>

Pada tahun 1402, apabila Maharaja Yung-lo menaiki takhta pada dinasti Ming, polisi perdagangan melalui ufti telah diubahsuai. Kerajaan China mula mengambil langkah

---

<sup>75</sup> Wang Gungwu, *A Short History of the Nanyang Chinese*, Singapore : Eastern Universities Press, Ltd., 1959, hlm.5.

<sup>76</sup> Ibid., hlm.7.

<sup>77</sup> Ibid., hlm.5, 7 dan 8.

untuk mewujudkan hubungan yang mesra dengan negara lain. Justeru itu, satu siri pelayaran rasmi telah dibuat semasa pemerintahan Maharaja Yung-lo. Pelayaran-pelayaran tersebut menandakan kemuncak hubungan China dengan Nanyang. Sehubungan itu, Ekspedisi Laksamana Cheng Ho ke Nanyang sebanyak tujuh kali di antara tahun 1405 hingga tahun 1433 merupakan dasar luar China yang penting untuk mewujudkan suasana yang aman dan damai dengan Nanyang.<sup>78</sup> Dalam tujuh kali Ekspedisi Laksamana Cheng Ho ke Nanyang, laluan beliau di Nanyang adalah tidak banyak berbeza.<sup>79</sup>

Ekspedisi Laksamana Cheng Ho ke Nanyang memang sesuai dengan perkembangan politik dan ekonomi dinasti Ming. Negara China memerlukan banyak rempah ratus dan herba. Sehubungan itu, ekspedisi Laksamana Cheng Ho telah banyak membantu negara China untuk mendapat barang-barang tersebut dari Nanyang.<sup>80</sup> Dasar ini membuktikan bahawa Maharaja Yung-lo merupakan seorang pemimpin yang berpandangan jauh.

Laksamana Cheng Ho merupakan tokoh yang terkenal dalam kalangan orang Cina dan orang tempatan di Nanyang.<sup>81</sup> Dalam tempoh tahun 1405 hingga 1433, kerajaan dinasti Ming membeli dan membayar terus komoditi dari Nanyang. Barang-barang yang dibawa ke China oleh Laksamana Cheng Ho dan orang-orangnya bukan untuk pasaran antarabangsa tetapi lebih kepada pertukaran barang-barang mewah untuk kegunaan Maharaja China.<sup>82</sup>

---

<sup>78</sup>中国科学技术馆, *帆鼓西洋* (Ekspedisi ke Nanyang), 北京: 科学普及出版社, 2005, hlm.17.

<sup>79</sup>中国科学技术馆, *情系大海* (Hubungan dengan Laut), 北京: 科学普及出版社, 2005, hlm.30-45.

<sup>80</sup>中国科学技术馆, *宝船探秘* (Ekspedisi Kapal), 北京: 科学普及出版社, 2005, hlm.13.

<sup>81</sup> Wang Gungwu, *A Short History of the Nanyang Chinese*, Singapore : Eastern Universities Press, Ltd., 1959, hlm.5.

<sup>82</sup> Ibid., hlm.7.

Terdapat beberapa sebab kerajaan dinasti Ming menghantar ekspedisi Laksamana Cheng Ho ke Nanyang. Sebab pertama ialah negara China terlibat dalam perdagangan Nanyang yang ditaja oleh kerajaan. Sebab yang kedua ialah menunjukkan kewujudan dasar kemesraan Maharaja China. Selain itu, ekspedisi ini juga bertujuan meluaskan ilmu pengetahuan tentang geografi di Nanyang. Ia juga dianggap sebagai satu kaedah untuk mengumpul maklumat tentang negara-negara di sebelah barat China.<sup>83</sup>

Walaupun kerajaan China milarang perdagangan persendirian dengan Nanyang, namun kerajaan China tidak mampu menghalang penduduk persisiran pantai untuk meluaskan perdagangan mereka. Maka, hampir satu abad selepas tahun 1433 iaitu kali terakhir pelayaran Laksamana Cheng Ho pulang ke China, kerajaan China tidak lagi melaksanakan sekatan ketat terhadap pelayaran dan perdagangan di Nanyang, malah kerajaan China sering mengabaikan larangan tersebut. Justeru itu, perdagangan persendirian yang sering kali ditaja oleh keluarga birokrat telah menjadi ketua untuk mendapat barang dagangan Nanyang. Pedagang Cina terus melawat Nanyang. Malah terdapat sebahagian pedagang Cina menetap di negara-negara Nanyang.<sup>84</sup>

Maka, dapat dilihat bagaimana hubungan China dengan Nanyang dapat berkembang beribu tahun sejak pelayaran penziarah Buddha yang pertama sehingga pelayaran Laksamana Cheng Ho ke Nanyang. Yang paling penting ialah orang Cina menyedari bahawa Laut China Selatan merupakan laluan pengangkutan yang penting untuk ke Nanyang. Pentadbiran yang statik dan politik yang kolot di China telah menyebabkan

---

<sup>83</sup> Wang Gungwu, *Community and Nation : China, Southeast Asia and Australia*, Australia : Allen and Unwin Pty Ltd., 1992, hlm. 121.

<sup>84</sup> Wang Gungwu, *A Short History of the Nanyang Chinese*, Singapore : Eastern Universities Press, Ltd., 1959, hlm.8.

wujudnya ekonomi berdikari. Selain itu, kerajaan China mewujudkan hubungan dengan Nanyang dari semasa ke semasa adalah bertujuan untuk meluaskan tanah jajahannya dan mengasimilasikan penduduk selatan China dan seterusnya di Nanyang.<sup>85</sup>

Penduduk selatan China telah banyak diasimilasikan dengan budaya Cina pada zaman dinasti Tang. Pada abad kesembilan dan selepas kejatuhan empayar Tang, kawasan selatan China seperti Quang Dong, Fukien dan utara Vietnam berkembang maju dan makmur. Keadaan tersebut telah menyebabkan wujudnya golongan pedagang dan pelaut yang mahir dalam perdagangan Nanyang. Maka, pada penghujung dinasti Sung Selatan pada abad ke-13, golongan ini telah berjaya mengawal perdagangan di Laut China Selatan.<sup>86</sup>

Pada abad ke-15, orang Cina telah bergiat aktif di tiga kawasan utama di Nanyang. Kawasan yang pertama ialah Siam, Champa, Pattani dan Brunei. Kawasan kedua ialah Melaka, Sumatera dan Java. Sementara kawasan ketiga ialah pulau-pulau yang berada di utara Filipina. Kawasan pertama dan kawasan kedua yang terletak di Nanyang Barat mempunyai hubungan yang rapat di antara satu sama lain dan sering kali dikunjungi para pedagang dari wilayah Quang Dong dan Fukien di China. Sementara kawasan ketiga sering kali dikunjungi para pedagang dari wilayah Fukien.<sup>87</sup>

Penjajahan Portugis di Melaka pada tahun 1511 telah menyebabkan ramai orang Cina berpindah ke Indochina dan pantai timur semenanjung Tanah Melayu.<sup>88</sup> Tidak lama

---

<sup>85</sup> Ibid., hlm.5.

<sup>86</sup> Ibid., hlm.5-6.

<sup>87</sup> Ibid., hlm.8.

<sup>88</sup> Ibid., hlm.9.

kemudian, Portugis berjaya menguasai Laut China Selatan dan seterusnya mempengaruhi corak perdagangan Nanyang. Kegiatan Portugis di Laut China Selatan telah mengukuhkan syak wasangka Maharaja China bahawa perdagangan Nanyang akan membawa masalah kepada China. Faktor ini telah mendorong Maharaja China mengisytiharkan larangannya ke atas perdagangan Nanyang. Sebelum tindakan ini, pantai China yang sering kali diganggu oleh lanun Jepun telah menyebabkan kerajaan China mengharamkan segala perdagangan dengan Jepun.<sup>89</sup>

Larangan China ke atas perdagangan Nanyang telah mendatangkan kesan yang mendalam selama 40 tahun. Hanya sebilangan kecil orang Cina dibenarkan belayar ke Nanyang. Sementara pelayar Cina yang telah berada di Nanyang takut hendak pulang ke China. Akibatnya mereka menukar pekerjaan mereka sebagai penyeludup atau lanun. Keadaan sedemikian telah menyebabkan Portugis menguasai perdagangan Nanyang di sepanjang pantai China. Tindakan Portugis telah membangkitkan kemarahan orang Cina dari wilayah Quang Dong dan Fukien kerana perdagangan yang telah diwujudkan oleh mereka sejak beberapa abad yang lalu kini jatuh ke dalam tangan Portugis, terutamanya selepas pembentukan Macao pada tahun 1557. Akhirnya kerajaan China terpaksa menarik balik larangan terhadap perdagangan Nanyang selepas tahun 1566.<sup>90</sup>

Selain itu, perkembangan ekonomi China pada abad ke-16 turut mendorong ramai orang Cina yang kaya melabur dalam bidang perindustrian di bandar. Faktor ini telah mendorong ramai orang Cina yang miskin meninggalkan kampung halaman mereka untuk bekerja di kilang-kilang yang terletak di bandar. Perkembangan sedemikian telah membawa

---

<sup>89</sup> Ibid., hlm.10.

<sup>90</sup> Ibid.

perubahan kepada perdagangan Nanyang di mana ia telah merangsang perkembangan perdagangan eksport China. Kilang-kilang China telah membekalkan barang dagangan kepada pedagang Cina untuk menukarkannya dengan barang-barang keluaran Nanyang. Hal ini secara tidak langsung telah mengurangkan pengaliran keluar mata wang dan bahan galian yang berharga. Faktor ini telah banyak membantu pedagang Cina dalam usaha memancing simpati daripada pihak berkuasa China untuk membenarkan mereka belayar ke Nanyang.<sup>91</sup>

Pada abad ke-17, *Tung Hsi Yang K'ao* yang ditulis oleh Chang Hsieh telah merekodkan aktiviti orang Cina di setiap pusat perdagangan di Nanyang. Buku ini merupakan panduan perdagangan Cina di Nanyang.<sup>92</sup>

## B) Dasar Kerajaan Dinasti Qing

Selepas kejatuhan dinasti Ming di China pada tahun 1644, China dikuasai oleh kerajaan Manchu. Pada tahun kedua iaitu 1645, kerajaan dinasti Qing telah mengeluarkan arahan menyimpan tocang kepada rakyat China. Dasar tersebut memang tidak dapat diterima rakyat dan pegawai dinasti Ming. Sebagaimana yang dikatakan oleh mereka, “kepala boleh dipotong, tetapi rambut tidak boleh digunting botak di kedua-dua belah kepala” (头可断, 发不可剃).<sup>93</sup> Disebabkan dasar menyimpan tocang yang dilaksanakan oleh kerajaan Qing, maka ramai bekas pegawai dan pengikut setia dinasti Ming telah melarikan diri dari China dan berhijrah ke selatan Vietnam.

---

<sup>91</sup> Ibid., hlm.10-11.

<sup>92</sup> Ibid., hlm.11.

<sup>93</sup> 陈生璽, “清初的社会矛盾” (Konflik Masyarakat pada Awal Dinasti Qing), 郑天挺主编, 明清史资料, 天津市: 天津人民出版社, 1981, hlm.19. (Zheng Tian Tin (ed.), *Ming Qing Shi Zi Liao*, Tian Jin : Tian Jin Ren Min Chu Ban She, 1981, hlm.19).

Pemerintah Manchu tidak seperti pemerintah Mongol pada abad ke-13 yang mempunyai minat yang tebal terhadap perdagangan Nanyang. Pada awal dinasti Qing, kerajaan Manchu mempunyai syak wasangka terhadap semua aktiviti Cina di luar sempadan empayar China.<sup>94</sup>

Maka pada tahun 1661, kerajaan Qing telah melancarkan “*Li Chieh Ling*” 立界令 (arahan membentuk sempadan) yang mengharamkan pelayaran dan perdagangan seberang laut untuk mengelakkan penduduk China yang berada di Asia Tenggara berkomplot dengan golongan penentang dinasti Ming untuk menentang kerajaan Qing. Arahan tersebut telah diperketatkan lagi pada tahun 1678 dengan isu “*Chien Chieh Ling*” 迁界令 (arahan pindah sempadan) yang mewajibkan penduduk yang tinggal di kawasan persisiran pantai berpindah ke kawasan pedalaman China.<sup>95</sup>

Walau bagaimanapun, arahan “*Chien Chieh Ling*” yang diperkenalkan pada tahun 1678 telah memberi peluang kepada jong-jong Cheng Ch’eng Kung yang merupakan penentang kerajaan Manchu, yang telah menakluki Taiwan sejak tahun 1661, berlayar bebas ke Jepun, Tonkin, Quang Nam dan Ayuthya dan bergiat aktif dalam perdagangan mereka di seberang laut.

Perasaan syak wasangka bertambah apabila kerajaan Manchu terpaksa menghadapi penentangan orang Cina di selatan China selama 40 tahun (1644-1683) terutamanya penentangan daripada keluarga Cheng Ch’eng Kung yang juga dikenali sebagai Koxinga

---

<sup>94</sup> Wang Gungwu, *A Short History of the Nanyang Chinese*, Singapore : Eastern Universities Press, Ltd., 1959, hlm.13.

<sup>95</sup> Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.22.

yang mempunyai kuasa laut yang kuat hasil daripada aktiviti perkapalan Nanyang dan keuntungan yang diperoleh daripada perdagangan Nanyang.<sup>96</sup> Pada zaman pemerintahan kerajaan Qing, wujudnya penentangan di seluruh negara China yang dilakukan oleh pasukan tentera petani, bekas pegawai tentera kerajaan *Nan Ming* (Ming Selatan), para pemimpin rakyat dan sebagainya.<sup>97</sup> Tujuan mereka adalah menggulingkan kerajaan Qing.

Penentangan peringkat akhir daripada bekas pegawai dinasti Ming terhadap kerajaan Manchu berlaku di sepanjang pantai wilayah Fukien, Chekiang dan Quang Dong yang terletak di selatan China. Para pemimpin pemberontakan menggunakan semua kapal di pelabuhan-pelabuhan besar untuk pengangkutan di sepanjang pantai. Mereka juga mengupah para pedagang dan lanun dari Nanyang untuk menentang kerajaan Manchu. Pada waktu yang sama, kerajaan Manchu juga mengambil tindakan yang sama dengan mengupah para pedagang dan lanun Nanyang untuk menentang serangan daripada pengikut-pengikut setia dinasti Ming. Oleh yang demikian, perdagangan Nanyang telah menjadi satu sumber penting dari segi tenaga manusia dan cukai. Buat kali pertama kedua-dua pihak cuba menguasai orang Cina di Nanyang. Ini menunjukkan bahawa orang Cina di Nanyang memainkan peranan penting dalam politik empayar China.<sup>98</sup> Walau bagaimanapun, penentangan daripada pengikut setia dinasti Ming menghadapi kegagalan pada tahun 1679,

---

<sup>96</sup> Wang Gungwu, *A Short History of the Nanyang Chinese*, Singapore : Eastern Universities Press, Ltd., 1959, hlm.13.

<sup>97</sup> 郭影秋, “论李定国坚持西南抗清斗争的历史作用”(Perbincangan tentang Penentangan Li Ding Guo Terhadap Kerajaan Qing), 郑天挺主编, *明清史资料*, 天津市: 天津人民出版社, 1981, hlm.19. (Zheng Tian Tin (ed.), *Ming Qing Shi Zi Liao*, Tian Jin : Tian Jin Ren Min Chu Ban She, 1981, hlm.19).

<sup>98</sup> Maurice Freedman, *The Chinese in Southeast Asia : A Longer View*, London : The China Society, 1965, hlm.6 dan Wang Gungwu, *A Short History of the Nanyang Chinese*, Singapore : Eastern Universities Press, Ltd., 1959, hlm.14.

diikuti dengan kekalahan Cheng Ch'eng-kung dari Taiwan pada tahun 1683.<sup>99</sup> Akhirnya kerajaan dinasti Qing berjaya menguasai seluruh pantai selatan China.

Apabila arahan “*Li Chieh Ling*” dihapuskan pada tahun 1685, hubungan di antara kerajaan China dengan pelabuhan Asia Tenggara dalam perdagangan turut berubah. Banyak jong Cina terlibat dalam perdagangan dengan Jepun dan singgah di pelbagai pelabuhan di Asia Tenggara yang sebelum ini merupakan tapak perjuangan kerajaan Cheng Ch'eng Kung untuk menentang kerajaan Manchu. Didapati bahawa kebanyakan daripada pedagang dan pelaut yang berada di atas jong-jong Cina ini terdiri daripada orang Hokkien. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan daripada pedagang Cina yang berdagang di Quang Nam terdiri daripada orang Hokkien. Sementara jong Cheng Ch'eng Kung yang dipanggil sebagai “Toneisen” 东宁船 yang datang berdagang di Quang Nam akan membeli beras dan peralatan tentera.<sup>100</sup>

Selepas penghapusan “*Li Chieh Ling*” pada tahun 1685, kerajaan Qing di China yang membenarkan semula perdagangan di seberang laut, hal ini secara langsung telah memajukan ekonomi di Hoian, Vietnam Tengah. Menurut laporan “*Moshiguchi*” 申口 yang dihantar kepada pihak berkuasa Nagasaki di Jepun oleh pedagang Cina dari Quang Nam yang sampai di Nagasaki pada tahun 1688 :

---

<sup>99</sup>Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.22. Raph Smith, “Cambodia and Vietnam in a Regional Perspective (16<sup>th</sup> – 19<sup>th</sup> Centuries)” in Nguyen The Anh dan Alain Forest (eds.), *Guerre et Paix en Asie du Sud-Est*, Paris : L'Harmattan, 1998, hlm. 253. Menurut Wang Gungwu, Cheng Ch'eng Kung menyerah kalah kepada kerajaan Manchu pada tahun 1682. Wang Gungwu, *A Short History of the Nanyang Chinese*, Singapore : Eastern Universities Press, Ltd., 1959, hlm.14.

<sup>100</sup> Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.23.

*... the number of Chinese junks which arrived in Quang Nam from Amoy (Fukien) and Canton in the spring of the same year had greatly increased and that they had caused a great flurry of activity in Hoi-an.<sup>101</sup>*

Sementara menurut Thomas Bowyear, keadaan perdagangan asing di Hoian pada penghujung abad ke-17 adalah seperti berikut :

*The trade is now driven by the Chinese, with ten or twelve junks yearly at least, viz., from Japan, Canton, Siam, Camboya, Manilha, and of late from Batavia.<sup>102</sup>*

Menurut Thomas Bowyear pada tahun 1696, setiap tahun sekurang-kurangnya sepuluh hingga dua belas jong Cina datang ke Hoian. Namun pendeta Buddha Da Shan yang berasal dari China yang melawat Hoian pada tahun 1695 memberi angka yang lebih besar (jumlah jong yang datang ke Hoian) daripada Thomas Bowyear. Da Shan telah memetik pernyataan yang dibuat oleh pemerintah Nguyen Phuc Chu di selatan Vietnam (*Minh Vuong*, yang memerintah pada tahun 1691-1725) :

*... so far the number of Chinese junks trading in Quang Nam every year was only six or seven, yet 16 or 17 junks had arrived in that year (1695).<sup>103</sup>*

Apabila dianalisis, Thomas Bowyear mengatakan 10 hingga 12 buah jong yang datang ke Hoian termasuk jong dari Jepun, Siam, Kemboja, Manila dan Batavia. Sementara berdasarkan pernyataan kerajaan Nguyen Phuc Chu, ia hanya melibatkan jong Cina sahaja iaitu enam atau tujuh buah jong Cina yang datang dari China ke Hoian, Vietnam. Namun, menurut laporan yang dibuat oleh pedagang Cina pada 1695, jumlah jong di Hoian pada tahun 1690, 1696, 1697 dan 1699 adalah seperti berikut :

---

<sup>101</sup> Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.23.

<sup>102</sup> Ibid.

<sup>103</sup> Ibid., hlm.24.

**Rajah 2.1 : Jumlah jong di Hoian pada tahun 1690, 1696, 1697 dan 1699.**

| Tahun | Bilangan Jong    | Tempat Asal                         | Laporan                      |
|-------|------------------|-------------------------------------|------------------------------|
| 1690  | 8                | Canton dan Amoy                     | Jong Quang Nam (No.89, 1690) |
|       | 10               | Ninpo, Fu Chow, Chuan Chow dan Amoy | Jong Quang Nam (No.90, 1690) |
| 1696  | 5                | Fujian dan Chekiang                 | Jong Quang Nam (No.48, 1696) |
| 1697  | 4<br>(di Hoian)  | Amoy (2) dan Ningpo (2)             | Jong Quang Nam (No.98, 1697) |
|       | 4<br>(di Champa) | Canton (2) dan Amoy (2)             | Jong Quang Nam (No.96, 1697) |
| 1699  | 3                | Ningpo                              | Jong Quang Nam (No.61, 1699) |

Sumber : Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.25.

Berdasarkan maklumat di atas, memandangkan data yang diberikan oleh kerajaan Nguyen Phuc Chu dan pedangang Cina adalah lebih dekat, maka boleh dikatakan bahawa maklumat kedua-dua laporan ini adalah lebih sesuai digunakan untuk mengira jumlah jong China yang sampai di Hoian.

Selepas suku pertama abad ke-18, jong-jong Cina yang berdagang di Hoian telah bertambah secara berterusan sehingga memperlihat zaman keemasan perdagangan di Hoian pada tahun 1750. Menurut J. Koffler yang telah tinggal di Quang Nam dari tahun 1740 hingga 1755 :

*Every year, there are about 80 Chinese junks coming to trade from various ports. Considering that the vessels keep coming also from Macao, Batavia and France, you may understand the prosperity of commerce in this country.<sup>104</sup>*

---

<sup>104</sup>Ibid., hlm.26.

Melalui pemerhatian Pierre Poivre pada tahun 1749, beliau mengatakan bahawa pada setiap musim perdagangan, terdapat sebanyak 60 buah jong yang berasal dari pelbagai pelabuhan China datang ke Hoian. Laporan ini telah menunjukkan bahawa dalam tempoh 50 tahun, bilangan jong yang datang ke Hoian telah meningkat kepada 60 hingga 80 buah jong.<sup>105</sup>

Kegiatan ekonomi di Hoian terjejas teruk apabila berlakunya pemberontakan Tay Son pada tahun 1771. Sebenarnya tiga tahun sebelum tercetusnya pemberontakan Tay Son, jumlah jong Cina yang datang ke Hoian telah merosot secara drastik. Barangkali disebabkan oleh kemerosotan perdagangan seberang laut. Dalam *Phu Bien Tap Luc* (Vol.4), Le Quy Don telah memberi laporan tentang cukai persinggahan yang ditetapkan oleh pemerintah Nguyen di Hoian. Pada tahun 1771, sebanyak 16 buah jong perdagangan telah tiba di Hoian dari pelbagai pelabuhan dan jumlah perdagangan pada tahun tersebut ialah 30,800 *quan*. Namun, bilangan jong perdagangan telah merosot kepada 12 jong pada tahun 1772 dengan jumlah perdagangan hanya sebanyak 14,300 *quan*. Sementara pada tahun 1773 pula, hanya tinggal lapan buah jong perdagangan yang datang ke Hoian dengan jumlah perdagangan 3,200 *quan*.<sup>106</sup> Maka dapat dirumuskan bahawa perang saudara yang berlaku di Vietnam telah memberi tumparan yang teruk kepada perdagangan di Hoian. Keadaan politik yang tidak stabil di selatan Vietnam telah menyebabkan ramai pedagang asing enggan datang ke Hoian.

Pada zaman pemerintahan Tay Son, Ch. Chapman yang tiba di Hoian pada 14 Ogos 1778 bersama dengan perutusan yang ingin mengadakan hubungan perdagangan peringkat

---

<sup>105</sup> Ibid.

<sup>106</sup> Ibid., hlm.27.

awal dengan Quang Nam dan Syarikat Hindia Timur Inggeris telah membuat laporan seperti berikut :

*On arriving at Faifo we were surprise to find the recent ruins of a large city; the street laid out on a regular plan paved with flat stone and well-built brick house on each side. But alas, there was not little more remaining than the outward walls within which, in a few places, you might behold a wretch who formerly was the possessor of a palace sheltering himself from the weather in a miserable hut of straw and bamboos. Of the few edifices left standing was a wooden bridge build upon piles over a narrow arm of the river with a tiled roof. The temples and their wooden gods were no further molested than in being robbed of their bells which I understand the present usurper had seized for the purpose of coining them into money.<sup>107</sup>*

Tokong-tokong Cina turut dimusnahkan dalam pemberontakan Tay Son kecuali tokong Quan Thanh di Hoian. Berdasarkan inskripsi yang tercatat pada tugu peringatan tokong Quan Thanh yang didirikan pada tahun 1783 :

*Though other temples (in Hoi-an) were destroyed during the recent warfare, this temple (Quan Thanh temple) alone stayed undamaged.<sup>108</sup>*

Pada tahun 1793, apabila John Barrow (1764-1848) meneman tuan Macarteney dalam perutusan ke China, mereka tinggal di Tourane dari 24 Mei hingga 16 Jun 1793. Beliau mengeluh tentang kemusnahan Turon (Tourane, kini dikenali sebagai Danang) yang disebabkan oleh pemberontakan Tay Son. Walau bagaimanapun, menurut Barrow, masih kelihatan beberapa buah jong Cina, sebuah kapal selatan Vietnam, sebuah kapal Inggeris, satu atau dua buah kapal dari India dan dua buah kapal Portugis dari Macao berdagang di

---

<sup>107</sup> Ibid.

<sup>108</sup> Ibid.

Cochinchina.<sup>109</sup> Maka dapat dirumuskan bahawa pemberontakan Tay Son merupakan faktor utama kemerosotan perdagangan di Hoian.

Kejayaan kerajaan dinasti Qing menguasai China pada tahun 1644 telah menyebabkan banyak pemimpin dan pengikut setia dinasti Ming melarikan diri dari China ke selatan Vietnam dan Filipina untuk mencari perlindungan politik setelah penentangan mereka gagal pada tahun 1679. Terdapat seorang sarjana birokrat Cina yang tinggal di Vietnam beberapa tahun telah menamatkan nyawanya di Jepun setelah beliau gagal mendapat sokongan di Vietnam. Sementara Cheng Ch'eng Kung menerima sokongan yang kuat di Filipina.<sup>110</sup> Apabila Cheng Ch'eng Kung menyerah kalah kepada kerajaan Manchu pada tahun 1683, ini tidak bermakna tamatnya hubungan orang Cina di Nanyang dengan pergolakan politik di China. Sebaliknya, semangat penentangan telah diterap masuk ke dalam kongsi gelap yang telah ditubuhkan oleh pemimpin pemberontakan pada tahun 1670-an. Kongsi gelap tersebut merujuk *T'ien-ti Hui* atau *Heaven and Earth Societies* yang telah mengawal kehidupan orang Cina di Nanyang selama dua abad.<sup>111</sup> Hal ini membuktikan bahawa orang Cina di Nanyang mampu mempengaruhi pergolakan politik di China.

Atas nasihat daripada seorang bekas pengawai dinasti Ming yang telah menyerah kalah kepada kerajaan Manchu, selama 20 tahun, kerajaan Manchu telah memindah penduduk pantai selatan China ke kawasan pedalaman untuk menghalang pembekalan makanan dan bahan lain daripada penduduk tempatan kepada bekas pegawai dinasti Ming yang berlayar di laut. Malah bandar-bandar dan kampung-kampung telah dibakar di

---

<sup>109</sup> Ibid.

<sup>110</sup> Wang Gungwu, *A Short History of the Nanyang Chinese*, Singapore : Eastern Universities Press, Ltd., 1959, hlm.14.

<sup>111</sup> Ibid.

samping beberapa sekatan telah diperkenalkan untuk mengawal pelayaran di sepanjang pantai China.<sup>112</sup>

Polisi kerajaan Qing yang “membakar bumi” ini agak berkesan dan memaksa pengikut setia dinasti Ming terpaksa bergantung kepada aktiviti pelanunan. Polisi ini bukan sahaja telah berjaya mengurangkan bilangan orang Cina yang terlibat dalam perdagangan Nanyang, malah ia telah memaksa ramai orang Cina menyertai kumpulan pengikut setia dinasti Ming. Memandangkan kawasan pantai China tidak dapat dipertahankan, ramai pedagang Cina dan pengikut setia dinasti Ming membuat keputusan untuk menetap di Nanyang.<sup>113</sup>

Polisi dinasti Qing terhadap perdagangan persendirian di seberang laut yang dikendalikan oleh pedagang Cina bertambah longgar. Pada tahun 1684, dasar “*hai-jin*” yang menyekat perdagangan Cina dari pelabuhan Quang Dong dan Fujian telah dihapuskan. Justeru itu, kapal dagang Cina dibenarkan untuk menjalankan perdagangan dengan kawasan di Asia Tenggara seperti di Manila, Hoian, Ayutthaya, Batavia dan Melaka. Langkah ini telah mengukuhkan jalinan perdagangan Cina di Asia Tenggara.<sup>114</sup>

Berdasarkan Buku *Hai-kuo Wen-chien Lu yang* ditulis oleh Ch'en Lun-chiung yang berketurunan Fukien serta merupakan pegawai di selatan China, selepas keluarga Cheng Ch'eng-kung menyerah diri, bapa Ch'en Lun-chiung telah diupah dan dihantar ke Nanyang untuk menasihati pengikut setia dinasti Ming menamatkan penentangan mereka terhadap

---

<sup>112</sup> Ibid., hlm.15.

<sup>113</sup> Ibid.

<sup>114</sup> Raph Smith, “Cambodia and Vietnam in a Regional Perspective (16<sup>th</sup> – 19<sup>th</sup> Centuries)” in Nguyen The Anh dan Alain Forest (eds.), *Guerre et Paix en Asie du Sud-Est*, Paris : L’Harmattan, 1998, hlm. 253.

kerajaan Qing. *Hai-kuo Wen-chien Lu* merupakan laporan tentang apa yang telah dilihat dan didengar di negara-negara maritim. Kebanyakan maklumat dalam buku ini adalah berdasarkan pengetahuan bapa beliau yang pernah melawat Nanyang. Bapa beliau merupakan pedagang Nanyang.<sup>115</sup>

### **Dasar Kerajaan Selatan Vietnam Terhadap Imigrasi Cina**

Pada abad ke-16, Kerajaan Vietnam berpecah kepada dua kerajaan iaitu utara Vietnam di bawah pemerintahan Trinh sementara selatan Vietnam di bawah pimpinan Nguyen Hoang akibat daripada perebutan kuasa di antara kedua-dua orang tokoh di atas. Pusat pemerintahan Nguyen terletak di Thuan Hoa. Selepas mendirikan kerajaan selatan Vietnam di Thuan Hoa, pemerintah Nguyen telah memperluaskan kuasanya ke selatan Vietnam dengan menakluki Champa untuk memperkuatkkan kerajaan beliau. Malah selepas kejatuhan kerajaan dinasti Ming di China pada tahun 1644, pemerintah Nguyen Phuc Tan menerima kedatangan imigran Cina ke selatan Vietnam dengan tangan terbuka. Bagi pemerintah Nguyen Phuc Tan, imigran Cina ini merupakan tenaga manusia dan sumber kewangan kepada kerajaan beliau dalam usaha menentang kerajaan Trinh di utara Vietnam.

Apabila sampai abad ke-17, Dinasti Le di bawah kerajaan Trinh di utara Vietnam dan dinasti Nguyen di selatan Vietnam merupakan dua kuasa yang kuat dalam sistem pemerintahan feudal. Namun kedua-dua kuasa tersebut bermusuhan dan berperang dari abad ke-16 sehingga abad ke-18 sebelum Vietnam disatukan oleh Maharaja Gia Long pada tahun 1802. Segala dasar yang diperkenalkan oleh pemerintah Trinh dan pemerintah

---

<sup>115</sup> Wang Gungwu, *A Short History of the Nanyang Chinese*, Singapore : Eastern Universities Press, Ltd., 1959, hlm.15-16.

Nguyen adalah semata-mata untuk tujuan peperangan sahaja. Untuk menentang serangan daripada kerajaan Trinh di utara Vietnam, maka pemerintah Nguyen telah memperkenalkan sistem pemerintahan ketenteraan dalam sistem pentadbiran Thuan Hoa. Akibatnya, para tentera terlibat dalam pelbagai bidang. Hal ini dapat dibuktikan oleh Da Shan yang berada di Thuan Hoa. Menurut Da Shan. selain golongan bangsawan, sami buddha serta golongan tua, golongan wanita dan kanak-kanak imigran Cina, beliau dapat melihat golongan tentera wujud di merata-rata tempat di Thuan Hoa. Selain kegiatan pertanian, tugas-tugas tukang yang lain semuanya dilakukan oleh para tentera.<sup>116</sup> Hal ini dapat dibuktikan melalui catatan Da Shan dalam buku beliau yang berjudul *Hai Wai Ji Shi* seperti berikut :

*Adalah diketahui bahawa pelbagai bidang pekerjaan dilakukan oleh tentera. Pada setiap Februari dan March, pegawai tentera pergi ke kampung-kampung untuk merekrut ahli baru. Golongan lelaki yang berumur 16 tahun ke atas dan berbadan sihat dipaksa menjadi tentera. Mereka diikat pada bamboo dan dihantar untuk menjalani latihan tentera. Mereka belajar sesuatu kemahiran. Selepas itu, mereka dihantar ke kapal perang untuk menjalani latihan. Jika berlaku peperangan, mereka menjadi tentera. Jika tiada peperangan, mereka berkhidmat dalam pentadbiran kerajaan. Sekiranya mereka belum cukup berumur 60 tahun, mereka tidak dibenarkan balik ke kampung halaman untuk hidup bersama dengan ahli keluarga. Ahli keluarga mereka hanya dibenarkan melawat mereka dan membawa pakaian untuk mereka. Oleh yang demikian, yang baki tinggal di kampung adalah mereka yang tua atau cacat anggota.*<sup>117</sup> (Dipetik daripada *Hai Wai Ji Shi*, Vol.1)

Sistem ketenteraan sebegini bagai sistem perhambaan seumur hidup. Hal ini telah menggambarkan bahawa pemerintah Nguyen Phuc Chu begitu memandang berat terhadap

---

<sup>116</sup> 大汕, 余思黎点校, 海外纪事 (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷一, 北京: 中华书局, 2000, hlm.6 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.1, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.6.)

<sup>117</sup>Ibid. dan Li Tana and Anthony Reid (eds), *Southern Vietnam under the Nguyen : Document on the Economic History of Cochinchina (Dang Trong)*, 1602-1777, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1995, hlm.56.

sistem ketenteraan yang dilaksanakan. Strategi ini sangat diperlukan oleh pemerintah Nguyen Phuc Chu untuk menghadapi penentangan dari kerajaan Trinh di utara Vietnam dan untuk mencapai matlamat perluasan kuasa beliau di selatan Vietnam iaitu menakluki Champa.<sup>118</sup> Kesemua ini memerlukan kekuatan tentera untuk mencapai matlamat pemerintah Nguyen Phuc Chu. Maka boleh dikatakan bahawa pada abad ke-17, Thuan Hoa bagi sebuah berek yang besar.

Di bawah sistem ketenteraan yang dijalankan oleh pemerintah Nguyen Phuc Chu di Thuan Hoa, jelas bahawa rakyat selatan Vietnam telah ditindas oleh pemerintah dan mereka terpaksa memikul beban ekonomi yang teruk. Ini adalah kerana kaum lelaki yang kuat telah direkrut untuk menjadi tentera sehingga tiada orang mengerjakan sawah yang terbiar. Keadaan ini telah digambarkan oleh Da Shan seperti berikut :

*Kehidupan rakyat di sini adalah susah. Tanah yang sedia ada adalah terhad. Beras yang dihasilkan tidak cukup untuk menampung penduduk tempatan. Thuan Hoa dan Hoian perlu bergantung kepada daerah lain untuk mendapatkan beras. Penduduk tempatan memanggil nasi sebagai com<sup>119</sup> kerana mereka tidak pernah mendapat nasi yang cukup. Kadang-kala ikan, udang dan sayur-sayuran dimakan sebagai nasi kerana nasi yang terhad.*<sup>120</sup>

---

<sup>118</sup>大汕, 余思黎点校, 海外纪事 (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷一, 北京: 中华书局, 2000, hlm.7 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.1, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.7.)

<sup>119</sup> Da Shan mengatakan bahawa perkataan *com* (nasi) berasal daripada perkataan Cina yang bermaksud sedap. Li Tana and Anthony Reid (eds), *Southern Vietnam under the Nguyen : Document on the Economic History of Cochinchina (Dang Trong)*, 1602-1777, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1995, hlm.58.

<sup>120</sup>大汕, 余思黎点校, 海外纪事 (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷三, 北京: 中华书局, 2000, hlm.7 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.3, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.7.) dan Li Tana and Anthony Reid (eds), *Southern Vietnam under the Nguyen : Document on the Economic History of Cochinchina (Dang Trong)*, 1602-1777, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1995, hlm.58.

Kehidupan penduduk selatan Vietnam bertambah susah di mana mereka perlu membayar cukai kepada kerajaan Nguyen Phuc Chu. Menurut Da Shan :

*Tanah yang terhad itu dikelilingi oleh gunung dan laut. Seandainya terdapat tanah rata, maka ia menjadi tempat kediaman. Jumlah penduduk yang sedia ada menentukan bilangan kampung yang akan wujud. Setiap kampung mempunyai seorang ketua kampung. Jika petani mempunyai tanah, mereka menanam padi. Sebanyak 70% hingga 80% hasil padi wajib dihantar kepada kerajaan sebagai cukai. Yang bakinya iaitu 20% hingga 30% untuk kegunaan sendiri. Sementara hasil tangkapan ikan dan kutipan kayu harus diserahkan kepada ketua kampung dan penduduk hanya menerima sebahagian kecil sahaja. Tambahan pula, rakyat perlu membayar cukai individu. Segala bamboo, kayu, garam, beras dan sutera wajib diserahkan kepada kerajaan sebagai ufti.<sup>121</sup>*

Bayaran cukai yang terlalu tinggi serta sistem kerahan tenaga yang membebankan kehidupan rakyat telah menimbulkan kemarahan dan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat. Memang tidak dapat dinafikan bahawa sistem ini hanya menguntungkan kerajaan Nguyen Phuc Chu. Akan tetapi, sistem inilah sebenarnya merupakan faktor utama yang menyebabkan kemunduran kehidupan rakyat selatan Vietnam pada zaman sistem feudal. Akibat daripada penindasan dan kesusahan kehidupan rakyat, maka pada abad ke-18, tercetusnya pemberontakan Tay Son yang disokong oleh para petani pada tahun 1771 sehingga akhirnya berjaya menggulingkan kerajaan Trinh di utara Vietnam dan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam. Gia Long yang menaiki takhta pada tahun 1802 akhirnya berjaya menyatukan seluruh Vietnam dan mulanya lembaran baru dalam sejarah Vietnam.

---

<sup>121</sup>大汕, 余思黎点校, 海外纪事 (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷三, 北京: 中华书局, 2000, hlm.7 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.3, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.7.) dan Li Tana and Anthony Reid (eds), *Southern Vietnam under the Nguyen : Document on the Economic History of Cochinchina (Dang Trong)*, 1602-1777, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1995, hlm.58.

Tambahan pula, pemerintah Nguyen Phuc Chu ingin menggunakan agama Buddha untuk mengukuhkan pemerintahan beliau di selatan Vietnam. Maka beliau telah menghantar utusan ke Guangzhou untuk menjemput Da Shan datang ke Thuan Hoa untuk menyebarkan ajaran Buddha.<sup>122</sup> Jemputan tersebut telah mendapat sambutan daripada Da Shan yang memang ingin mencari kekayaan di seberang laut.

Da Shan merupakan seorang sami Buddha Cina dari Pagoda Chang Shou di Guang Dong. Beliau telah dijemput oleh pemerintah Nguyen Phuc Chu yang berada di selatan Vietnam untuk datang ke Phu Xuan (Thuan Hoa atau Hue) dan Hoian di antara Ogos 1694 hingga November 1695 untuk menerangkan prinsip-prinsip ajaran agama Buddha. Da Shan telah membawa bersama 50 orang Cina datang ke Phu Xuan. Apabila Da Shan sampai di Phu Xuan, beliau telah mendapat kepercayaan daripada pemerintah Nguyen Phuc Chu.<sup>123</sup>

Pada abad ke-17, berlaku sekali lagi penghijrahan orang Cina secara beramai-ramai ke Vietnam selepas dinasti Ming digulingkan oleh dinasti Qing pada tahun 1644. Mengikut *Dai Nam Chronicle*, pada tahun 1679, kira-kira 3000 orang pegawai Cina, tentera dan ahli keluarga mereka mendarat di Thuan An (merupakan Thua Thien pada hari ini, yang berdekatan dengan Hue) yang terletak di Vietnam Tengah. Mereka meminta kebenaran daripada kerajaan Vietnam di Hue untuk mengusahakan tanah. Sebagai balasan, mereka akan membayar cukai kepada kerajaan Vietnam. Permintaan mereka telah diterima oleh pemerintah Nguyen dan mereka dibenarkan untuk mengusahakan tanah di Dong Nai yang

---

<sup>122</sup>大汕, 余思黎点校, 海外纪事 (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷一, 北京: 中华书局, 2000, hlm.2 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.1, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.2.)

<sup>123</sup> Li Tana and Anthony Reid (eds), *Southern Vietnam under the Nguyen : Document on the Economic History of Cochinchina (Dang Trong)*, 1602-1777, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1995, hlm.55.

terletak di bahagian selatan Vietnam, yang juga dikenali sebagai *Nam Ky* atau *Nam Bo*.<sup>124</sup>

Ini merupakan satu strategi yang bijak yang dibuat oleh pemerintah Nguyen kerana beliau telah menggunakan golongan tentera Cina ini untuk menentang kerajaan Trinh di utara Vietnam dan pada waktu yang sama, menggunakan golongan tentera ini untuk membantu beliau meluaskan kuasanya di selatan Vietnam.

Pada tahun 1671 pula, seorang pedagang Cina dari Quang Dong yang bernama Mac Cuu bersama lebih kurang 400 orang pegawai tentera, askar dan ahli keluarga Mac Cuu telah berhijrah dari China ke Hatien di wilayah Kien Giang, dataran Mekong. Hatien pada waktu itu dikenali sebagai Mang Kham.<sup>125</sup> Pada waktu itu, Hatien merupakan tanah jajahan Kemboja. Setelah bertapak di Hatien, Mac Cuu bersama orang Cina, orang Vietnam dan orang Khmer berusaha meneroka dan membangunkan Hatien.<sup>126</sup>

Pada tahun 1708, Mac Cuu telah diberi kuasa oleh pemerintah Nguyen untuk memerintah Hatien di dataran Mekong, Vietnam. Sebagai balasan, beliau perlu membayar ufti kepada istana Vietnam yang berada di Hue.<sup>127</sup> Tidak lama kemudian, Hatien menjadi sebuah bandar dan pelabuhan antarabangsa yang makmur. Malah, Hatien merupakan pusat petempatan orang Cina yang ketiga di selatan Vietnam. Seperti pusat petempatan orang Cina yang lain, kawasan petempatan orang Cina telah berkembang dari Hatien ke kawasan

<sup>124</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.15

<sup>125</sup>潘安, 越南南部华人文化考究(Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 13. (Phan An, *Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam*, Saigon: Saigon Liberal Press, 2006, hlm.13) dan Nguyen Thi Hoa Xinh, *Tin Nguong Va Ton Giao Cua Nguoi Hoa Quang Dong O Thanh Pho Ho Chi Minh* (Kepercayaan dan Agama Orang Cina Quang Dong di Bandar Ho Chi Minh), Thanh Pho Ho Chi Minh : Trung Tam Khoa Hoc Xa Hoi Va Nhan Van Quoc Gia, 1997, hlm. 17.

<sup>126</sup>潘安, 越南南部华人文化考究(Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 12. (Phan An, *Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam*, Saigon: Saigon Liberal Press, 2006, hlm.12).

<sup>127</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.15-16.

lain di selatan Vietnam.<sup>128</sup> Kemajuan perdagangan di Hatien telah menyumbang sumber kewangan yang lumayan kepada pemerintah Nguyen di selatan Vietnam untuk membeli alat senjata yang moden untuk menentang kerajaan Trinh di utara Vietnam.

Selepas kemangkatan Mac Cuu pada tahun 1735, anak beliau yang bernama Mac Thien Tich menjadi pemerintah Hatien yang diakui oleh pemerintah Nguyen. Semasa pemerintahan Mac Thien Tich, beliau menggalakkan kegiatan perdagangan dan kraf tangan di Hatien. Beliau juga telah membuka sekolah-sekolah untuk mengajar bahasa Cina. Atas usaha Mac Thien Tich, akhirnya Hatien menjadi sebuah pelabuhan perdagangan yang maju. Malah Hatien juga merupakan pusat intelektual yang menyebarkan budaya Cina ke selatan Vietnam pada abad ke-18.<sup>129</sup>

## Rumusan

Pada abad ke-17, orang Cina yang berhijrah dari China ke selatan Vietnam adalah berasal dari kawasan Quang Dong, Fukien, pulau Hainan and kawasan lain di selatan China. Kebanyakan daripada mereka ini terdiri daripada bekas pegawai istana dinasti Ming, tentera, pedagang, cendekiawan dan artisan. Penghirahan orang Cina ke selatan Vietnam bertambah banyak selepas kejatuhan kerajaan dinasti Ming di China pada tahun 1644.

---

<sup>128</sup>潘安, 越南南部华人文化考究(Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 13. (Phan An, *Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam*, Saigon: Saigon Liberal Press, 2006, hlm.13).

<sup>129</sup> Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.16 dan Nguyen Thi Hoa Xinh, *Tin Nguong Va Ton Giao Cua Nguoi Hoa Quang Dong O Thanh Pho Ho Chi Minh* (Kepercayaan dan Agama Orang Cina Quang Dong di Bandar Ho Chi Minh), Thanh Pho Ho Chi Minh : Trung Tam Khoa Hoc Xa Hoi Va Nhan Van Quoc Gia, 1997, hlm. 17.

Kerajaan Nguyen yang berada di selatan Vietnam telah menerima kedatangan orang Cina dan menempatkan mereka di kawasan selatan Vietnam. Ini kerana kerajaan Nguyen berpendapat orang Cina di Vietnam merupakan sumber tenaga tentera dan sumber kewangan kepada kerajaan Nguyen untuk menentang kerajaan Trinh di utara Vietnam.